

30 OCT 2003

Mahathir-Projek

TIADA LAGI PROJEK PEMBANGUNAN SECARA RUNDINGAN TERUS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak lagi akan melaksanakan projek pembangunan secara rundingan terus bagi menyekat kenaikan kos projek pembangunan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohama hari ini.

Bagaimanapun, pengecualian akan diberi kepada projek yang benar-benar perlu dan dalam keadaan tertentu, katanya ketika membentangkan usul kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat di sini.

"Kontrak untuk projek pembangunan akan hanya dilaksanakan sama ada secara tender terbuka atau tender terhad kerana sekarang sudah ada ramai kontraktor Bumiputera yang cekap dan mereka perlu bersaing sesama mereka untuk mendapat kontrak.

"Bagi mengawal kos, semua projek hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan hanya melaksanakan projek secara segera sekiranya faktor masa adalah amat penting.

Bilangan projek yang akan dilaksanakan melalui pendekatan ini dijangka berkurangan apabila keupayaan perancangan negara diperbaiki dan bajet dua tahun diperkenalkan.

Bagi projek yang dilaksanakan melalui pendekatan reka bentuk dan bina, Dr Mahathir berkata kerajaan akan melantik perunding berasingan daripada pereka bentuk kontraktor yang membuat tawaran.

Kerajaan, katanya, akan terus mengamalkan dasar fiskal yang berhemat dalam tempoh akhir Rancangan (2004-2005) dan mempertingkatkan disiplin fiskal dengan mengamalkan kawalan kos yang ketat.

Langkah ini bagi mencegah peningkatan kos dan memastikan projek pembangunan benar-benar memberi nilai wang seperti yang dibelanjakan.

Perdana Menteri berkata kerajaan melaksanakan projek pembangunan untuk memberi faedah kepada rakyat di samping menguntungkan kontraktor tetapi tidaklah sehingga merugikan rakyat seperti yang berlaku kepada pembinaan makmal komputer sekolah.

"Sehubungan itu, kerajaan tidak akan bertolak ansur lagi dengan kontraktor yang gagal menyiapkan projek mengikut masa dan dengan mengikut kualiti sebagaimana dipersetujui," katanya.

Beliau menegaskan kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menamatkan kontrak kontraktor yang tidak mematuhi syarat, serta menyenarai hitam dan menghalang mereka daripada menyertai tender di masa hadapan.

Ini bagi memastikan hanya mereka yang mempunyai rekod bersih, boleh dipercayai dan mampu menyiapkan projek sahaja, diberi peluang lagi untuk membuat tawaran bagi kontrak kerajaan.

Hasil daripada tindakan dasar fiskal yang mengembang dalam tempoh tiga tahun Rancangan (2001-2003), 99.3 peratus daripada siling asal perbelanjaan pembangunan Rancangan berjumlah RM110 bilion akan habis dibelanjakan menjelang akhir tahun ini.

"Oleh itu, kerajaan bercadang untuk menambah siling pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM50 bilion kepada RM160 bilion.

"Penambahan ini bermaksud bahawa bagi dua tahun yang akan datang, purata perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM25.4 bilion setahun, iaitu bersamaan dengan purata paras perbelanjaan pembangunan tahunan sebelum ekonomi mengalami kelembapan," katanya.

Daripada jumlah peruntukan yang dipinda sebanyak RM160 bilion, lebih daripada 80 peratus adalah untuk sektor ekonomi dan sosial. Sebahagian besar daripada peruntukan sektor ekonomi adalah untuk pembangunan

infrastruktur dan utiliti.

Pendidikan dan latihan akan menerima peruntukan tertinggi, sebanyak lebih daripada 25 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan.

Sektor kesihatan akan menerima sebanyak 5.9 peratus, perumahan sebanyak 3.9 peratus dan pihak berkuasa tempatan dan perkhidmatan kebajikan sebanyak 5.0 peratus.

Dalam tempoh kajian semula 2001-2003, Dr Mahathir berkata defisit fiskal telah dikekalkan pada tahap 5.5 peratus daripada KDNK manakala defisit fiskal pada tempoh akhir Rancangan dijangka berkurangan kepada 1.8 peratus daripada KDNK.

"Untuk mengoptimumkan pertumbuhan yang boleh dijana daripada baki peruntukan Rancangan, Kerajaan akan mensyaratkan bahawa perlaksanaan projek pembangunan tersebut hendaklah menggunakan bahan dan komponen tempatan secara maksimum dan dengan itu akan mengurangkan pengaliran tukaran wang asing keluar.

"Projek yang dipilih adalah projek yang dapat memberi faedah maksimum dan mempunyai rangkaian yang kuat dengan ekonomi tempatan supaya dapat memaksimumkan kesan pengganda," kata Perdana Menteri.

--BERNAMA

MAD ZK